

# **SIGAL SEBAGAI SIMBOL SOSIAL DALAM KEPERCAYAAN TRADISI MASYARAKAT RUNGUS**

## ***SIGAL AS A SOCIAL SYMBOL IN THE TRADITIONAL BELIEFS OF THE RUNGUS SOCIETY***

Jeff Goldbum Anak Lasu<sup>1</sup>  
Esterlina Moo Chin Len binti Lazarus<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah Jalan  
UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

[esterlina@ums.edu.my](mailto:esterlina@ums.edu.my)\*

*Dihantar/Received: 14 Oct 2024 | Penambahbaikan/Revised: 04 Nov 2024*  
*Diterima/Accepted: 07 Nov 2024 / Terbit/Published: 30 Nov 2024*

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.5798>

---

### **ABSTRAK**

Kepala adalah anggota badan yang tertinggi yang mewakili kebijaksanaan manusia. Aksesori kepala iaitu *sigal* adalah objek budaya yang boleh melambangkan status seseorang dalam masyarakat Rungus. *Sigal* mencerminkan status si pemakainya termasuk pemimpin, ketua agama, ketua kampung, bangsawan dan pahlawan. *Sigal* digunakan untuk pelbagai tujuan seperti majlis perkahwinan, keramaian, hukum adat, adat kematian dan *sogit*. Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif, bertujuan untuk mencapai objektif kajian dan mendapatkan data yang tepat melalui pendekatan seperti temu bual, kerja lapangan, rakaman dan kajian literatur. Kajian mendapati bahawa bentuk, jenis kain, warna dan motif *sigal* mempengaruhi status dan tujuan pemakaiannya. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji status *sigal* dalam kehidupan sosial masyarakat Rungus. Dahulu, *sigal* dipakai sebagai pakaian harian dan diwajibkan semasa upacara dan acara adat, tetapi transisi kehidupan telah memberi impak kepada pemakaian *sigal* dalam masyarakat Rungus. Hari ini, *sigal* hanya dilihat semasa majlis-majlis rasmi, dipakai hanya sebagai aksesori. Justeru, kajian ini menjelaskan signifikansi pemakaian *sigal* dalam struktur sosial dan peranannya dalam kepercayaan tradisional masyarakat etnik Rungus.

**Kata Kunci:** *Sigal*, etnik Rungus, status *Sigal*, kepercayaan, *sogit*.

### **ABSTRACT**

The head is the highest part of the body that represents human wisdom. The head accessory that is the *sigal* is a cultural object that can symbolize a person's status in Rungus society. *Sigal* reflects the wearer's status including leaders, religious leaders, village heads, nobles and warriors. *Sigal* is used for various purposes such as wedding ceremonies, gatherings, customary law, death customs and *sogit*. The research methodology used is qualitative, aiming to achieve the objectives of the study and obtain accurate data through approaches such as interviews, fieldwork, recordings and literature review. The study found that the shape, type of fabric, color and motif of the *sigal* affect the status and purpose of its use. Therefore, the purpose of this study is to examine the

status of *sigal* in the social life of the Rungus community. In the past, *sigals* were worn as daily clothing and were required during ceremonies and customary events, but the transition of life has had an impact on the use of *sigals* in the Rungus community. Today, the *sigal* is only seen during formal occasions, worn only as an accessory. Thus, this study explains the significance of the use of *sigal* in the social structure and its role in the traditional beliefs of the Rungus ethnic community.

**Keywords:** *Sigal*, Rungus ethnicity, *Sigal* status, belief, *sogit*

## PENGENALAN

Sabah merupakan salah satu negeri di Malaysia yang terletak di kepulauan Borneo yang dikenali sebagai 'Tanah Di Bawah Bayu'. Kewujudan berbagai etnik dan suku kaum yang warna-warni di Sabah menampilkan ragam budaya dan keunikan tradisi masyarakat. Rungus merupakan kumpulan etnik yang mendiami bahagian sebelah utara Sabah yang terdiri daripada Kudat, Kota Marudu dan Pitas (Appell, 1965). Masyarakat tradisi sangat dikenali dengan sistem sosial yang hidup secara berkelompok. Perkara ini juga berlaku kepada etnik Rungus kerana dikenali dengan memiliki rumah panjang yang unik. Pengaruh penempatan etnik Rungus adalah berlandaskan sumber makanan. Penternakan haiwan dan berburu bukan lagi asing dalam sistem penempatan masyarakat tradisi. Begitu juga dengan pertanian seperti menanam padi dan jagung yang juga merupakan aktiviti ekonomi tradisi etnik Rungus (Porodong, 1997). Perkara ini menyebabkan etnik Rungus dikenali dengan pertanian pindah randah. Hal ini demikian, faktor geografi yang memberikan manfaat kepada sumber makanan juga mempunyai kelemahannya seperti faktor serangan serangga. Oleh itu, kerosakan tanaman menyebabkan masyarakat tradisi Rungus harus hidup berpindah randah.

Kraf merupakan seni yang ditinggalkan oleh masyarakat tradisi yang boleh dilihat hingga ke hari ini. Identiti sesebuah bangsa sering dikaitkan dengan pakaian atau aksesori yang digunakan pada anggota badan. *Sigal* adalah penutup kepala yang bermaterialkan kain digunakan oleh kaum lelaki etnik Rungus (Lazarus, E. M. C. L., 2017). Penggunaan *sigal* tidak asing di Sabah kerana istilah *sigal* hanya digunakan oleh etnik Rungus. Namun istilah "*Siga*" digunakan oleh etnik Tangara, dan istilah "*Sigar*" digunakan oleh etnik Bundu, Liwan dan Tindal. Oleh itu, *sigal* merupakan penghias kepala merupakan simbol kepada penyatuan suku kaum di Sabah kerana setiap etnik mempunyai penghias kepala yang mencerminkan identiti masing-masing (Astro Awani, 2022).

Etnik Rungus dikenali dengan istilah *Momogun* dan istilah ini juga digunakan etnik Gonsomon, Nulu, Gandahon dan *Pilapazan* yang menggunakan istilah yang sama. Walau bagaimanapun, etnik Rungus mendominasi dalam rumpun *momogun* (Appell, 1963, 9-10). Cerita nenek moyang etnik Rungus iaitu Nunuk Ragang ada menyebut istilah *momogun* yang memberikan erti 'penduduk asal'. Oleh itu, masyarakat Rungus percaya bahawa mereka merupakan penduduk asli di tanah Sabah yang disebut sebagai penduduk asal '*pogun Nabal*' (Ginsari, 2022).

Tun Fuad Stephen pernah memasukan etnik Rungus sebagai sub etnik KDMR (Kadazan-Dusun-Murut-Rungus) semasa era pentadbiran beliau. Perkara ini juga disokong oleh Arena Wati (1978) yang menyatakan bahawa etnik Rungus adalah tergolong dalam suku kaum Kadazandusun. Walau bagaimanapun, masyarakat Rungus bertegas menyatakan bahawa mereka adalah rumpun *momogun* dan bukannya sub etnik KDMR. Hal ini demikian, masyarakat Rungus percaya mereka memiliki identiti sendiri sebagai Rungus dari sejarah nenek moyang mereka (Raymond, 2017). Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah pada tahun 2016 telah mengiktiraf etnik Rungus sebagai etnik penuh dan

bukan lagi dalam sub etnik Kadazandusun (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A., (2021:42).

### **SIGAL ETNIK RUNGUS**

Berdasarkan Lazarus, E. M. C. L., (2017), *sigal* merupakan objek budaya masyarakat Rungus yang terhasil daripada faktor kosmologi masyarakat tradisi. Penampilan adalah identiti yang menandakan unsur simbolik atau juga semiotik dalam pakaian untuk menunjukkan asal-usul pemakaiannya yang mengandungi unsur tersirat dan terusurat (Hasma et al.,2015). *Sigal* juga sinonim dengan perlitup kepala dari negeri-negeri yang ada di Malaysia seperti Desta, Tanjak Tengkolok dan Setangan. Desta atau Deta di Negeri Sembilan, Tanjak di Selangor, Tengkolok di Perak, Setangan di Kelantan dan Terengganu, Semua istilah ini adalah merujuk kepada pelitup kepala. Walau bagaimanapun, setiap pelitup kepala memiliki ciri lipatan dan bentuk yang berbeza mengikut kawasan (Adi Kasman, 2021). Setiap pemakaian atau fesyen yang dipakai adalah simbol bagi membezakan peringkat masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam sistem kerja seperti bangsawan, rakyat, golongan atasan, bawahan, tuan dan pekerja yang didorong oleh faktor kuasa, status, dalam masyarakat, masa, dan kedudukan ekonomi. Hal ini demikian pemakaian memberikan gambaran mengenai kedudukan seseorang dalam kehidupan dan pendapat yang boleh diterima oleh ramai orang yang dikatakan perkara ini berlaku sejak abad ke 18 (Simonson,1944).

Pada zaman prasejarah pakaian diilhamkan daripada objek yang berada dari persekitaran manusia. Sumber alam sama dimanfaatkan seperti dari kulit pokok ataupun kulit binatang bagi menutupi tubuh manusia (Abbas Norwani,2006). Identiti merujuk kepada kekuatan diri yang boleh dinyatakan dari simbol, ikon, dan tanda kepada masyarakat dan budaya. Jati diri pula menyatakan asal dan asli sebagai kekuatan diri yang berasaskan tradisi seperti sesuatu yang diwariskan (Wan Abdul, 2006). *Sigal* adalah lambang kemegahan bagi masyarakat Rungus seperti *sigal* utama iaitu *sigal* Tinohian yang telah diwariskan oleh nenek moyang. *Sigal* Tinohian diperbuat daripada kain pis dan digunakan oleh orang penting pada zaman masyarakattradisi seperti golongan kenamaan, hulubalang, pahlawan dan pengamal adat. Dalam penghasilan corak dan motif memang tidak dapat dihindari dari pengaruh kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat tradisi. Seiring peredaran waktu menyebabkan budaya terbentuk dan memberikan fungsi kepada *sigal* untuk digunakan dalam upacara dan majlis seperti keramaian, perkhawinan, *sogit*, dan adat kematian (Esterlina, 2017:140). Oleh itu, kepercayaan adalah pengaruh kepada budaya yang ditinggalkan atau diwarisi dari masyarakat tradisi membentuk fungsi, kegunaan, sistem sosial dan kedudukan dalam penggunaan *sigal*.

### **JENIS SIGAL ETNIK RUNGUS**

*Sigal* etnik Rungus memiliki empat jenis iaitu *sigal* Tinohian sebagai *sigal* yang sangat dikenali dalam masyarakat Rungus, *sigal* Tinamasan, Landap dan Inaraman. *Sigal* Tinamasan memiliki kain yang berwarna hijau gelap manakala Landap dan Inaraman memiliki warna merah namun memiliki corak yang berbeza. *Sigal* Tinamasan, Landap dan Inaraman dihasilkan dari kain tenunan tidak seperti *sigal* Tinohian yang disulam (Jeff & Lazarus, E. M. C. L., 2023).

Walaupun *sigal* Tinohian merupakan *sigal* yang utama dalam masyarakat Rungus namun tidak semua orang memilikinya pada zaman masyarakat tradisi. Hal ini demikian, *sigal* Tinamasan mempunyai nilai bagi masyarakat tradisi yang didorong oleh faktor kepercayaan seperti penghasilan simbol yang terdapat dalam kain pis. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan harganya yang tinggi dan sukar untuk dimiliki oleh golongan biasa. Kecenderungan dan kebiasaan dalam sosiobudaya telah memberi impak terhadap wujudnya status dalam pemakaian *sigal*. Perkara ini telah terhasil daripada budaya

masyarakat tradisi etnik Rungus. Hal ini demikian, pemakai *sigal* Tinohian adalah biasanya dimiliki oleh ketua adat, bangsawan, pahlawan dan lebih sering dilihat pada Bobolizan. Oleh itu, pengguna *sigal* Tinohian pada zaman masyarakat tradisi lebih sering dilihat atau digunakan oleh orang penting dalam status sosial dan juga orang yang berkemampuan atau dipandang tinggi dalam kelompok masyarakat.

### **PENGARUH BENTUK DAN LIPATAN SIGAL**

Bentuk dan lipatan *sigal* memiliki simbol dan makna tersendiri berdasarkan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat tradisi etnik Rungus. Penggunaan *sigal* dapat menunjukkan status pemakai daripada lipatan atau ikatan. Status pemakai juga boleh diketahui melalui pemakaian *sigal* seperti status sudah berkeluarga atau bujang iaitu ditentukan melalui bentuk *sigal* yang digunakan. Contohnya, ikatan *sigal* yang mengeluarkan ekor atau tanduk di tepi adalah merujuk kepada status bujang manakala lipatan ke dalam iaitu melilitkan kain sehingga hujung disimpan ke dalam juga merujuk kepada pemakai berstatus sudah berkeluarga. Hal ini demikian, adat dan hormat sangatlah ditekankan sejak zaman masyarakat tradisi seperti status seseorang. Setiap majlis keramaian seperti pesta atau perkahwinan, golongan bujang dan dara akan berkumpul bersama. Perkara ini mengelakkan berlakunya salah paham atau juga mengelak dari terkena *sogit* jika mengganggu pasangan orang. Oleh itu, zaman masyarakat tradisi bertindak untuk mengawal tingkah laku sosial mereka yang penuh dengan adat resam dan pantang larang yang diamalkan sebagai tanda hormat terhadap seseorang. Perkara ini juga memudahkan seseorang untuk mengenali status individu apabila berkumpul dalam satu komuniti dan menghormati status orang tersebut jika dapat dilihat atau diketahui melalui *sigal* yang dipakai.



**Rajah 1:** *Sigal* Tinohian pandangan dari depan  
Sumber: Jeff Goldbum Anak Lasu



**Rajah 2:** *Sigal Tinohian* pandangan dari belakang  
Jeff Goldbum Anak Lasu



**Rajah 3:** *Sigal Tinohian* pandangan dari kanan  
Sumber: Jeff Goldbum Anak Lasu



**Rajah 4:** *Sigal* Tinohian pandangan dari kiri  
Sumber: Jeff Goldbum Anak Lasu

Berdasarkan Rajah 1 hingga Rajah 4, *sigal* Tinohian yang menggunakan lipatan *kinurumput* digunakan seorang lelaki untuk menghadiri sebuah upacara ritual di Kampung Narandang Laut, Pitas. Masyarakat tradisi menghasilkan sesuatu kraf dan pakaian berdasarkan kepercayaan kerana memiliki peranan dan fungsi berdasarkan simbol yang wujud dari kosmos mereka. *Sigal* digunakan dalam apa-apa acara yang melibatkan aktiviti berkumpul dalam komuniti. Hal ini demikian, masyarakat tradisi akan berpakaian lengkap tradisi dalam acara ataupun majlis keramaian dan upacara. Perkara ini menunjukkan pengaruh kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat tradisi sehingga mereka harus menghormati majlis terutama upacara. Berpakaian lengkap tradisi menunjukkan bahawa upacara yang dihadiri merupakan upacara penting, sehingga membentuk tatacara masyarakat tradisional berpakaian untuk menghormati sesebuah majlis yang dihadiri. Oleh itu, *sigal* digunakan semasa menghadiri upacara atau majlis dalam dan luar komuniti untuk menunjukkan identiti dan status pemakai.

## **PENGARUH KEPERCAYAAN DALAM BUDAYA**

Walau bagaimanapun, pada awalnya *sigal* adalah pelitup kepala namun menjadi objek penting dalam sosiobudaya dan kepercayaan. Bobolizan adalah orang yang penting dalam sesebuah komuniti Rungus. Kepercayaan dan simbol sama ada dalam kraf dan pakaian adalah sangat berkait dalam penghasilannya pada zaman masyarakat tradisi. Setiap simbol memiliki makna yang tersirat mahupun tersurat. Masyarakat Rungus mempunyai kepercayaan tradisi yang dikenali sebagai *Labus* sebelum kedatangan agama Kristian atau Islam. Kepercayaan tradisional etnik Rungus dipengaruhi alam semula jadi di persekitaran mereka dan juga terikat dengan pantang larang. Perkara ini juga salah satu faktor keistimewaan *sigal* Tinohian kerana sering digunakan oleh Bobolizan semasa ritual atau hukum adat yang dijalankan namun bagi Bobolizan yang tidak mampu akan menggunakan *sigal* seperti Tinamasan. Oleh itu, pada zaman masyarakat tradisi kegunaan *sigal* sangat penting terutamanya pengguna seperti Bobolizan iaitu orang yang dipercayai atau dihormati.

Pakaian sering dikaitkan dengan identiti kerana mencerminkan penggunaannya. Identiti tidak hanya merujuk kepada asal usul malah identiti juga merujuk kepada status sosial

seseorang dalam komuniti. *Sigal* secara tanpa disedari juga mengelaskan penggunaanya dalam sistem sosial. Dalam komuniti etnik Rungus memiliki ketua yang disegani melalui penampilan yang mencerminkan keperibadiannya. *Sigal* adalah salah satu objek yang terdapat pada ketua adat ataupun ketua kampung. Masyarakat tradisi memandang tinggi darjat seseorang yang dipercayai sebagai pemimpin kelompok. Hal ini demikian, *sigal* juga sinonim dengan Desta, Tanjak Tengkolok dan Setangan yang pada zaman kesultanan melayu sangatlah memandang tinggi terhadap penggunaannya. Perkara ini juga dapat dilihat setiap penggunaanya memiliki darjat sama ada Sultan atau pahlawan dan juga hamba. Begitu juga dengan penggunaan *sigal* di kepala merujuk kepada status sosial seseorang kerana kepala merupakan anggota badan yang tertinggi untuk mewakili kebijaksanaan manusia. Oleh itu, objek yang menghiasi kepala adalah simbol kepada pemakainya seperti mahkota yang digunakan raja untuk menunjukkan kuasa atau darjat.

*Sigal* menjadi perlambangan kepada identiti pemakai dalam masyarakat Rungus seperti Bobolizan. Bobolizan merupakan seorang yang memiliki spiritual yang tinggi lalu dipercayai sebagai perantaraan atau penyampai mesej dari roh yang membantu. Leluhur etnik Rungus sangat menekankan penggunaan *sigal* namun tidak semua Bobolizan adalah dari kaum lelaki. Oleh itu, kaum wanita yang memiliki status dalam sosial atau komuniti seperti menjadi Bobolizan akan menggunakan kain *sigal* dengan meletakan di bahu. Perkara ini menunjukkan betapa pentingnya *sigal* yang menjadi kepentingan pemakai semasa melakukan upacara atau *sogit*. Istilah *sogit* adalah “penyejuk” kepada masalah yang dipercayai sebagai unsur “panas” yang harus disejukan. *Sogit* senagai denda kepada individu yang melanggar pantang larang atau adat yang diamalkan kerana dipercayai akan berlakunya malapetaka. Justeru, *sogit* membentuk sistem dalam kehidupan masyarakat Rungus untuk menghindar masyarakat melakukan perbuatan yang salah (Raymond, 2017).

*Sigal* sering digunakan semasa upacara yang diadakan masyarakat Rungus. Pada rajah 5 memperlihatkan seorang lelaki yang menggunakan *sigal* semasa menjalani sebuah upacara. Upacara *mamapak* dipercayai merupakan upacara yang wajib bagi masyarakat etnik Rungus lakukan sebelum menyambut pesta *magahau*. Ritual *mamapak* memiliki dua jenis iaitu *mamapak* dengan *ragon* (*hantu atau roh jahat*) dan *mamapak* dengan Baambarazon (semangat padi). *Papak taraat* adalah dibawah kategori *mamapak* dengan *ragon* dan dilakukan jika ada orang meninggal dunia. Hal ini demikian, *papak taraat* merupakan tempat perantaraan dan juga sebagai tempat perjumpaan roh si mati dengan orang hidup untuk mengelakkan campur tangan Bambarazon kerana *mamapak* dengan Bambarazon iaitu *papak tavasi* hanyadijalankan setelah selesai *mamapak* dengan *ragon*. Masyarakat etnik Rungus percaya *papak Tavasi* adalah upacara untuk berjumpa dengan Bambarazon. Hal ini demikian, bertujuan agar mendapat rezeki dan kesejahteraan yang dipohon pada roh baik. Oleh itu, masyarakat etnik Rungus menghormati upacara ini sehingga kaum lelaki menggunakan *sigal* untuk menghormati upacara dan perkara ini menunjukkan bahawapentinya *sigal* kepada mereka.



**Rajah 5:** Pemakai *sigal* Tinohian sedang mengikuti upacara  
Sumber: Jeff Goldbum Anak Lasu

Peredaran zaman telah merubah pandangan dalam menggunakan *sigal* kerana pada zaman masyarakat tradisi etnik Rungus memiliki fungsi dan status. Kini, penggunaan *sigal* adalah bebas sehingga dijadikan sebagai aksesori untuk menghias diri. Jika dahulu *sigal* penting untuk memperlihatkan status pemakainya seperti bujang atau sudah berkeluarga namun tidak semua begitu pada masa kini. Walau bagaimanapun, penggunaan *sigal* masih penting dalam upacara dan majlis terutama yang melibatkan komuniti. Mengikuti transisi kehidupan, masyarakat etnik Rungus pada masa kini lebih mengenal *sigal* sebagai objek atau penghias kepala.

## KESIMPULAN

Budaya merupakan bentuk manifestasi warisan yang merujuk kepada hasil sebuah produk atau objek yang terhasil daripada pelbagai cabang. Perkara ini terhasil daripada amalan dan cara hidup dalam budaya seperti kraf budaya fizikal, adat tradisi dan nilai spiritual yang menjadi tunjang dalam melambangkan sesuatu identiti yang wujud dalam komuniti sesebuah etnik (Gregory & Noria, 2020). Suku etnik yang adadi Sabah banyak menampilkan budaya yang unik daripada kraf tangan, alat muzik, tarian, tenunan dan pakaian tradisi yang mengagumkan. Unsur-unsur budaya adalah warisan yang diwarisi dari masyarakat tradisi. Perkara ini menunjukkan satu kepercayaan terhadap pembentukan adat yang pernah dijadikan sebagai landasan hidup. Hubungan erat antara masyarakat tradisi dengan alam semesta menyumbang dalam penghasilan motif-motif yang terhasil dari kerja tangan masyarakat tradisi yang memberikan gambaran terhadap pengaruh kosmos. *Sigal* merupakan hasil yang ditinggalkan oleh masyarakat tradisi dan diwariskan sejak turun temurun lalu menjadi identiti kepada masyarakat Rungus. Sangat jelas penggunaannya memberikan impak ke atas status sosial masyarakat Rungus secara langsung tanpa mereka sedari ataupun tidak. Pembudayaan ini memberikan impak terhadap kehidupan masyarakat tradisi. Oleh itu, pengkaji berharap amalan yang pernah diamalkan masyarakat tradisi seperti penggunaan *sigal* serta fungsinya yang semakin terhakis harus dilihat sebagai masalah serius agar tidak hilang jati diri *sigal* mengikuti peredaran masa. Generasi atau waris dari masyarakat tradisi etnik Rungus tidak harus melupakan warisan yang pernah dihidupkan. Warisan tradisi yang masih dimiliki perlu disejagatkan bersama perkembangan teknologi dan kemodenan dunia walaupun perlu mengungkit sejarah untuk memberikan kesedaran tentang nilai peninggalan dari masa silam.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan dan penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental, kod KPT FRGS/1/2022/SSI06/UMS/03/1, Project ID: 21244 (Penerokaan Simbol dan Fungsi Liminaliti Ritual Mamapak Etnik Rungus untuk Kelestarian Warisan Budaya Tempatan). Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abbas A., & Norwani M.N. (2006). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman* (Vol. 2). Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Appell, G.N. (1965). *The nature of social groupings among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia*. Thesis Ph. D (Unpublished dissertation.). The Australian National University, Canberra, Australia.
- Appell. (1963). *Myths and legends about the Rungus of the Kudat District*. The Sabah Society Journal 4: 9-15.



Adi Kasman Che Halin. (2021). Inovasi Sigar Alternatif Pelestarian Budaya Kadazan Dusun. Dewaan Bahasa dan Pustaka.

Arena Wati. (1978). *Pribumi Sabah: Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.

Lazarus, E. M. C. L., (2024). Kerangka Liminaliti ke atas Pesta Magahau di dalam Masyarakat Etnik Rungus di Sabah. Tesis Ph.D (tidak diterbitkan), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Lazarus, E. M. C. L., (2017). Pumpunan Budaya Pribumi di Sabah :Teknik dan Pemakaian Sigal Etnik Rungus di Sabah. University Malaysia Sabah.

Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2021). Magahau dan hubungan dengan kepercayaan tradisi etnik Rungus di Sabah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 41-48.

Gregory Kiyai @ Kaei., & Noria Tugang. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1).

Hasma Ahmad, Haji D'Zul Haimi Md Zain, Rosita Mohd Tajuddin dan Nazirah Mohamad Ba'ai. (2015). Analisis Kandungan Rupabentuk esyen Pakaian Melayu di Malaysia. UITM Cawangan Kedah-INSPI: ICOMHAC 2015 eproceeding.

Jeff Goldbum Anak Lasu & Lazarus, E. M. C. L., (2023). *Sigal Etnik Rungus di Sabah: Satu Kajian Awal*. E-Prosiding. Persidangan Antarabangsa Akademi Seni dan Teknologi Kreatif 2023 (PASTIK 2023). Akademik Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah.

Saimin Ginsari. 2022. Sejarah Migrasi Dusun di Sabah. Institut Pendidikan Guru Kampus Kent. Hlm 54-55

Paul Perodong. (1997). Kemiskinan di kalangan kaum Rungus di daerah Kudat, Sabah. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Raymond Majumah @ Azlan Shayie Abdullah Romzi Ationg. (2017). Pumpunan Budaya Pribumi di Sabah :Nilai Teras Masyarakat Rungus. University Malaysia Sabah.

Lee Simonson. (1944). Fashion and Democracy. The Metropolitan Museum of Art Bulletin, News Series, Vol3.

Wan Abdul Kadir Yusoff. (2006). Identiti Budaya Melayu Dalam Pembangunan Industri Budaya. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu.

## **VIDEO**

Astro Awani. 2022. Kaamatan 2022: Siga Simbol Penyatuan Suku Kaum di Sabah. Video. Dipetik dari <https://www.astroawani.com/video-malaysia/kaamatan-2022-siga-simbol-penyatuan-suku-kaum-di-sabah-1969321>

## **TEMUBUAL**

Razif bin Samuil, 41 tahun, Kampung Terongkongan Laut, Kudat. 5 Jun 2023.